

**ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT**

**(dikemas kini 24.4.2024)**

1. Anda hendaklah mencetak sendiri Borang 3 ini dalam **TIGA (3) SALINAN** dan jika terdapat lebih daripada seorang penentang, dengan salinan tambahan bagi tiap-tiap Penentang.
  - i. Satu (1) salinan untuk rujukan anda dan dibawa semasa pendengaran;
  - ii. Satu (1) salinan untuk diserahkan kepada tiap-tiap Penentang;
  - iii. Satu (1) salinan untuk dikemukakan semasa pendengaran di Tribunal.

(Contoh: Jika jumlah Pihak Penentang adalah 3, salinan Borang 1 yang perlu dicetak adalah sebanyak lima (5) salinan.)

2. Setiap salinan Borang 3 setelah dicetak hendaklah **ditandatangani** sendiri. Jika suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan, anda hendaklah menyatakan nama penuh orang yang diberi kuasa bersama dengan jawatannya dan capkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan.
3. Anda kemudiannya mestilah **menyerahkan** satu salinan Borang 3 yang telah ditandatangani dan dimeterai kepada tiap-tiap Penentang dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh pemfailan. Anda boleh menyerahkan Borang 3 kepada Penentang melalui kaedah-kaedah berikut:
  - i. **Secara serahan tangan.** Contoh bukti penyerahan bagi kaedah ini adalah salinan akuan penerimaan / tandatangan / cop penerimaan / gambar penyerahan dan tarikh penyerahan;

ATAU

  - ii. **Melalui pos berdaftar** yang dialamatkan kepada alamat perniagaan, petak atau kediaman yang akhir diketahui bagi Penentang. Contoh bukti penyerahan bagi kaedah ini adalah bukti pengeposan.

## Pos Daftar (Track-on-8)

**POS** MALAYSIA | Daftar | **TRACK-ON 8**

**1 Pengirim (Sender):**  
Nama (Name):  
No. Telefon (Phone No.):

**2 Penerima (Receiver):**  
Nama (Name):  
No. Telefon (Phone No.):

RY038422649MY  
[Barcode]  
RY038422649MY

Sila tarik di sini → (Office use only)  
Salinan untuk pejabat

Sila tarik di sini → (Customer's copy)  
Salinan untuk pelanggan

2020

4. **Bermula pemfailan tuntutan pada 1 APRIL 2024**, anda hendaklah menyediakan salinan *hardcopy* dan membawa dokumen yang berikut semasa pendengaran:
- Borang 3 yang telah ditandatangani;
  - Semua dokumen sokongan;**
  - Surat kuasa wakil (bagi JMB/MC/Syarikat mana yang berkaitan); dan
  - Bukti serahan Borang 3 kepada Penentang.